



Survei Ekonomi Tahunan 2022 – Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar



Data Siri Masa



Industri di Malaysia peruntukkan RM3.1b bagi inisiatif perlindungan alam sekitar, catat 4.8% peningkatan pada 2021

- Pemain industri di Malaysia membelanjakan RM3.1 bilion bagi tujuan perlindungan alam sekitar pada tahun 2021, 4.8 peratus lebih tinggi berbanding nilai yang dibelanjakan pada tahun 2020.
- Perbelanjaan operasi merupakan penyumbang terbesar dengan 77.1 peratus, manakala 22.9 peratus dibelanjakan untuk perbelanjaan modal.
- Pengurusan pencemaran mendominasi perbelanjaan perlindungan alam sekitar dengan sumbangan 70.9 peratus atau RM2,210.2 juta. Ini diikuti oleh pengurusan sisa RM803.7 juta (25.8%) dan penilaian & caj alam sekitar iaitu RM70.6 juta (2.3%).
- Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama dengan nilai perbelanjaan sebanyak RM2,486.8 juta atau 79.8 peratus. Ini diikuti sektor Perkhidmatan dengan RM386.4 juta (12.4%) dan Perlombongan & pengkuarian RM110.8 juta (3.6 %).